

17 DEC 1998

MAHATHIR DAN GOH BERBINCANG DI HANOI

Oleh: E. Sivabalan

HANOI, 17 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Singapura Goh Chok Tong bertemu di sini hari ini bagi memperkukuhkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Dr Mahathir dan Goh berada di Vietnam bagi menghadiri Sidang Kemuncak Asean Keenam selama dua hari, yang berakhir semalam.

Pertemuan kedua-dua pemimpin itu hari ini, berlaku sehari selepas Singapura mengeluarkan kenyataan bahawa Kuala Lumpur tidak mengemukakan penghujahan bertulis untuk menyokong tuntutan haknya bagi mengekalkan pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) di Tanjong Pagar, selewat-lewatnya pada 15 Dis sebagaimana yang dipersetujui.

Singapura pada 30 Okt telah bersetuju terhadap permintaan Malaysia agar tarikh akhir mengemukakan penghujahan bertulis itu dilanjutkan selama enam minggu lagi.

Singapura memindahkan KIKnya dari Tanjong Pagar ke Woodlands pada 1 Ogos, manakala Malaysia mengekalkan KIKnya di Tanjong Pagar.

Malaysia dan Singapura telah bersetuju untuk memperbaiki hubungan dua hala selepas kedua-dua pemimpin itu bertemu di Kuala Lumpur baru-baru ini.

-- BERNAMA

ES TS RI